

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (DASAR & PENTADBIRAN)

TARIKH: 22 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 06

97 projek impak tinggi dalam RMKe-11 ubah wajah Kelantan

Kota Bharu: Sebanyak 364 projek bernilai RM14.83 bilion dilaksanakan di Kelantan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11).

Daripada jumlah itu, sebanyak 97 projek berimpak tinggi akan dan sedang dilaksanakan membabitkan kos RM11.62 bilion. Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Yahaya Mamat, berkata antara projek berimpak tinggi itu adalah pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra membabitkan kos RM483 juta; Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (Pakej 1b Pasir Hor-Kadok) berjumlah RM310.5 juta, Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai (Pakej 2b Ketereh ke Kok Lanas RM229.79 juta); Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (Pakej 2A, Kadok-Ketereh RM189.28 juta) dan Central Spine Road (CSR) Pakej 3 Gua Musang ke Kampung Relong, Pahang (RM253.5 juta).

Beliau berkata, Kerajaan Pusat juga akan membina jambatan dari Kota Bharu ke Bulatan Wakaf Bharu bernilai RM144.49 juta yang akan mengatasi kesesakan teruk di kawasan itu.

Geran tahunan RM350 juta

"Selain itu, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan juga menyediakan peruntukan geran tahunan kepada Kelantan membabitkan jumlah RM350 juta sehingga Oktober tahun lalu.

"Ia membabitkan pemberian kekurangan akaun mengurus kerajaan negeri seperti membayar gaji dan sebagainya sebanyak RM54.6 juta," katanya ketika Taklimat Pembangunan Negeri Kelantan bersama media di pejabat JPP, di sini, semalam.

Yahaya berkata, menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan geran tahunan sebanyak RM21.3 juta kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, peruntukan itu untuk pembayaran gaji kakitangan; pembelian peralatan pentadbiran dan perkhidmatan perbandaran; pelaksanaan program serta sebagainya.

RM168.86 juta baik pulih masjid, surau

"Kerajaan Pusat juga menyalurkan siling peruntukan RM90.13 juta untuk 701 projek dari tahun 2014 hingga 2017 untuk membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam penyelenggaraan dan menaik taraf kawasan pentadbiran tempatan bagi membolehkan rakyat menikmati taraf sosial ekonomi yang selesa," katanya.

Beliau berkata, sebanyak RM168.86 juta lagi diperuntukkan untuk projek pembinaan dan baik pulih masjid serta surau di negeri ini.

Katanya, kerajaan juga memperuntukkan RM91.3 juta pada tahun lalu, untuk membayar elaun imam, guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), guru Takmir, pegawai penyelaras masjid daerah, fasilitator pusat khidmat keluarga dan bantuan sekolah pondok, sekolah menengah agama rakyat dan institut tahfiz.